



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3, Blok E8
Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6148
03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146

Ruj. Kami: KP(BTP-PENT) 8800/50/23-2 (5)

Tarikh: 29 Mac / 17 Jamadilawal 1434

Encik Abdullah bin Mad Yunus

Pengarah

Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Persiaran Duta, Off Jalan Duta

50604 Kuala Lumpur,

Tuan,

PENGUNAAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS) DI SEMUA SEKOLAH WP KUALA LUMPUR TAHUN 2013

Sukacitanya perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peluasan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) Bil. 1/2013 bertarikh 18 Januari 2013 adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke - 199 Bil. 2/2012 pada 3 Mei 2012 yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Yassin telah bersetuju bahawa peluasan aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) ke semua sekolah merupakan penyelesaian kepada pelbagai aplikasi (*multiple data entry*) di sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) adalah satu pangkalan data tunggal yang akan menjadi *primary data source* di sekolah. Ini bertujuan untuk memastikan agar semua inisiatif pembangunan aplikasi yang dibangunkan pada akan datang oleh mana-mana pihak perlu berintegritas dengan pangkalan data ini bagi mengelakkan kemasukan data yang sama berulang kali oleh pihak sekolah. Ia juga bertujuan untuk membolehkan maklumat terkini dapat disalurkan kepada pihak berkepentingan seperti JPN,PPD dan bahagian-bahagian KPM bagi tujuan analisis dan pelaporan.

4. Untuk makluman tuan, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peluasan SPS Bil. 1/2013 bertarikh 18 Januari 2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KPPM, penggunaan enam modul teras SPS di semua sekolah merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri mulai tahun 2013.

5. Oleh yang demikian, pihak tuan dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) perlu membuat perancangan rapi bagi pelaksanaan penggunaan enam modul SPS Fasa 1 mulai 1 April 2013 di semua sekolah di WP Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia